



SEMBAH ALU-ALUAN

YANG BERHORMAT
DATO SERI SETIA AWANG HAJI HAMZAH
BIN HAJI SULAIMAN
MENTERI PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DI MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-29
BAGI TAHUN 1441 HIJRAH / 2019 MASIHI

PADA HARI ISNIN,
23 MUHARRAM 1441 HIJRAH
BERSAMAAN 23 SEPTEMBER 2019 MASIHI

BERTEMPAT DI DEWAN PLENARY
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA
BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Alhamdulillahirabbil 'Alamin, Wassalatu
Wassalamu 'Ala Ashrafil Anbiya-I-Wal Mursalin,
Sayyidina Muhammaddin Wa'ala Alihi Wasahbihi
Ajma'iin.

Assalamualikum Warahmatullah Hi Wabbarakatuh

Mengadap Kehadapan Majlis,
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien,
Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan,
Negara Brunei Darussalam.

Ampun Beribu Ampun,

Dengan penuh hormat dan takzim hamba Kebawah Duli Tuan Patik mewakili Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Guru Ke-29, Tahun 2019 dan semua warga guru dari seluruh pelusok tanah air menyembahkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya menjunjung kasih di atas limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Tuan Patik berangkat bercemar duli ke Majlis Sambutan Hari Guru Ke-29, Tahun 2019 pada pagi ini, dan seterusnya mengurniakan titah, menyempurnakan pengurniaan Anugerah-Anugerah Hari Guru serta berangkat untuk menyaksikan pameran dan seterusnya berkenan pula menerima junjung ziarah dari para guru.

Keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik bagi menyempurnakan majlis ini adalah amat bermakna kepada warga guru dan sudah tentu menjadi pendorong kepada mereka untuk terus gigih melaksanakan amanah dalam melahirkan anak bangsa modal insan yang berguna kepada negara.

Pada kesempatan ini juga, hamba Kebawah Duli Tuan Patik sukacita ingin menyebarkan ucapan Selamat Hari Guru kepada semua warga guru yang senantiasa berjuang mendidik anak bangsa dengan doa semoga para guru sekalian dan usaha biskita semua sentiasa diberkati Allah Subhanahu Wataala, diberikan kesihatan yang baik dan dalam perlindungan-Nya jua.

Ampun Beribu Ampun,

Alhamdulillah, pada tahun ini Sambutan Hari Guru diraikan untuk kali yang ke-29 dengan membawa tema “**PENDIDIKAN BERKUALITI TERAS KECEMERLANGAN PELAJAR**”. Pendidikan berkualiti membawa maksud yang holistik dimana ianya diukur bukan sahaja dari aspek prasarana pendidikan yang canggih dan teknologi pengajaran dan pembelajaran yang terkini, malah juga dilihat dari aspek kualiti guru, peluang pembelajaran yang saksama kepada semua peringkat pelajar serta kurikulum yang selari dengan tuntutan agama dan perubahan masa.

Pendidikan yang berkualiti akan dapat membentuk pelajar yang memiliki akhlak mulia, jati diri yang jitu, mampu berfikir secara kritikal dan kreatif serta mempunyai kedayatahanan untuk

menghadapi cabaran-cabaran kesan daripada kemajuan teknologi, sosial dan ekonomi.

Ampun Beribu Ampun,

Disembahkan, Kementerian Pendidikan melalui Pelan Strategik 2018-2022 sedang melaksanakan inisiatif-inisiatif strategik, tindakan-tindakan dan hasil-hasil utama yang tertentu ke arah mencapai hasrat pendidikan berkualiti demi kecemerlangan pelajar. Pada keseluruhannya, semua ini adalah sejajar dengan Petunjuk Prestasi Utama Kebangsaan bagi Kementerian Pendidikan ke arah mencapai matlamat Wawasan Negara iaitu rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, dan menjurus kepada penghasilan sistem pendidikan yang saksama merangkumi kualiti guru, pelajar

mahupun sekolah; memberikan peluang pendidikan yang luas dan pembangunan sumber tenaga manusia yang cemerlang.

Ampun Beribu Ampun,

Pada menjunjung titah Kebawah Duli Tuan Patik semasa Majlis Sambutan Hari Guru ke-28 pada tahun 2018, adalah disebarkan bahawa kriteria dan proses pengambilan dan pemilihan bakal guru telah mula dikemaskinikan sebagai usaha untuk memastikan guru-guru kita adalah benar-benar berkelayakan.

Proses pemilihan dan pengambilan bakal guru in adalah lebih sistematik, komprehensif dan efektif demi memastikan pengambilan adalah mengikut

keperluan. Apa yang lebih utama ialah tenaga pengajar yang diambil adalah mereka yang benar-benar mencintai kerjaya sebagai seorang guru lagi mempunyai semangat dan motivasi yang tinggi dalam melahirkan generasi kita yang cemerlang lagi mempunyai nilai-nilai jati diri dan berpegang teguh kepada prinsip Melayu Islam Beraja selaras jua dengan hasrat Wawasan Brunei 2035.

Usaha transformasi ini juga diharapkan akan meningkatkan tahap guru di negara ini sebagaimana jua yang disasarkan oleh Petunjuk Prestasi Utama Kebangsaan 2035.

Ampun Beribu Ampun,

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik seterusnya menyembahkan bahawa kontrak bagi pelaksanaan

Program Bimbingan Literasi Dan Numerasi (*Literacy And Numeracy Coaching Programme, LNCP*) yang bermula pada Ogos 2016 telah pun berakhir pada Jun 2019, dan ketika ini, ianya terus dilaksanakan sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan. Seramai **149** orang guru tempatan telah berjaya menamatkan kursus bimbingan selama satu (1) tahun untuk menjadi pakar dalam bimbingan ataupun *coaches* bagi Bahasa Inggeris dan Matematik. Jumlah ini adalah melebihi sasaran awal iaitu sebanyak 120 orang. *Coaches* ini telah mengambil alih tugas dari *International Coaches* dalam membimbing guru-guru Bahasa Inggeris dan Matematik di sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.

Pada masa ini, seramai 30 orang lagi guru-guru Bahasa Inggeris dan Matematik sedang menjalani latihan untuk menjadi *coaches* dan seramai kira-kira 130 orang lagi dirancang akan dilatih dalam masa lima tahun ini bagi memenuhi sasaran untuk menyediakan seorang *coach* bagi literasi dan seorang *coach* bagi numerasi di setiap sekolah Kerajaan. Semua ini adalah untuk memastikan kesinambungan dan kelestarian Program LNCP demi mencapai kualiti pengajaran Bahasa Inggeris dan Matematik yang tinggi di negara ini.

Seterusnya disebarkan bahawa Kementerian Pendidikan adalah sentiasa komited untuk memberikan pendidikan yang berkualiti. Ke arah ini, Kementerian Pendidikan akan terus menilai tahap pendidikan yang ada agar ianya sentiasa

relevan dengan menandaan aras dengan piawaian antarabangsa seperti melalui Kajian Utama bagi *Programme for International Student Assessment* (PISA).

Dapatan-dapatan daripada usaha menanda aras ini akan dapat menilai pencapaian dan juga mengenalpasti jurang para pelajar dalam memiliki dan mengaplikasi kemahiran serta kompetensi yang diperlukan di abad ke-21.

Menyentuh mengenai kemahiran-kemahiran yang diperlukan di abad ke-21 apatah lagi dalam mempersiapkan generasi kita mengharungi cabaran revolusi perindustrian ke-empat, Kementerian Pendidikan adalah dalam proses membangunkan *Digital Literacy Standard* dan

Cultural Literacy Standard di dalam kurikulum SPN-21. Di samping itu, penguatan pendidikan *Science, Technology, Engineering, Arts* dan *Mathematics* ataupun STEAM juga diberi keutamaan untuk meningkatkan daya saing dalam bidang sains serta teknologi kepada para pelajar. Selari dengan usaha-usaha ini, kapasiti para guru dalam melaksanakan pengajaran berasaskan teknologi akan dipertingkatkan dan adalah diharapkan pelajar-pelajar kita nanti akan mempunyai kecelikan digital untuk mengemudi mereka di alam pekerjaan dan kehidupan di era digital ini nanti.

Ampun Beribu Ampun,

Di peringkat pengajian tinggi pula, usaha-usaha terus dilaksanakan dalam memastikan penyampaian kualiti pendidikan tinggi yang cemerlang. Dari pendidikan teknikal dan vokasional, politeknik hinggalah universiti, pelan-pelan strategik, perisian kurikulum, kursus-kursus yang ditawarkan dan hubungan dengan industri adalah sentiasa direbiu serta dimantapkan bagi pensejajaran dengan kehendak industri dan pasaran pekerjaan yang memerlukan tenaga manusia yang mahir, berdaya saing, berdaya tahan, inovatif dan bersifat keusahawanan.

Dalam pada itu, kesemua universiti, politeknik dan insitusi-institusi pendidikan teknikal awam di negara ini telah dianugerahkan dengan Piawaian untuk Organisasi Antarabangsa (ISO) 9001 : 2015

dalam *Quality Management System*. Pencapaian ini adalah selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan dalam mengukuhkan lagi urustadbir (*governance*) di institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini.

Alhamdulillah, institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini terus menunjukkan pencapaian yang membanggakan di mana, sebagai contoh, Universiti Brunei Darussalam telah mencapai kedudukan ke-298 dan Universiti Teknologi Brunei di kedudukan ke-379 di *QS World University Ranking 2020*.

Dalam memastikan sumber tenaga manusia di negara ini sentiasa relevan dan mampu menyelusuri revolusi perindustrian ke-empat, penyediaan wadah bagi pembelajaran sepanjang

hayat mempunyai keutamaan yang tinggi. Sehubungan ini, institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini giat melaksanakan usaha pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat dengan menubuhkan pusat-pusat yang menawarkan kursus-kursus yang bukan sahaja bertumpu kepada kursus-kursus akademik bahkan kursus-kursus yang menjurus kepada kemahiran hidup dan penambahan ilmu pengetahuan Al-Quran dan ilmu *fiqh* sepertimana jua yang ditawarkan di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Alhamdulillah, Kementerian Pendidikan sentiasa mendapatkan sokongan padu dan nasihat berterusan dari pihak-pihak berkepentingan dalam meningkatkan lagi kualiti penyampaian pendidikan di negara ini. Penglibatan dan kerjasama mereka

Comment [u1]: May I also suggest that we can add one sentence on our unis, poly and technical institutions, are all ISO 9001:2015 certified on quality management system. This is inline with moe goals of strengthening the governace of our HEIs.

terutamanya pihak ibu-bapa serta Organisasi-Organisasi Bukan Kerajaan akan dipertingkatkan bukan saja dalam pendidikan bahkan jua dalam sama-sama menangani isu-isu sosio-ekonomi demi kesejahteraan para pelajar.

Ampun Beribu Ampun,

Sebelum hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung anugeraha berundur diri, sekali lagi hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik.

Akhirnya, hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung perkenan bagi hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan sembah junjung kasih

diatas keberangkatan Paduka-Paduka Anakanda dan Paduka-Paduka Adinda Kebawah Duli Tuan Patik:

- Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri

- Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik

- Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah

- Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Bendahara
Seri Maharaja Permaisuaru
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah

Seterusnya menyebarkan ucapan junjung kasih di atas keberangkatan:

- Yang Amat Mulia
Pengiran-Pengiran Cheteria

Dan merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran:

- Yang Berhormat
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.
- Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet,
- Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis-Majlis
Mesyuarat,
- Timbalan-Timbalan Menteri,
- Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi dan diplomat-
diplomat Negara-Negara Sahabat,
- Tetamu-Tetamu Khas,
- Dhif-Dhif yang dihormati, dan
- Para hadirin - hadirat yang berbahagia sekalian.

Terima kasih yang setinggi-tingginya juga dirakamkan kepada semua pihak yang turut sama terlibat mengungkayahkan serta menjayakan majlis yang berkebajikan ini. Semoga segala usaha dan sumbangan murni lagi ikhlas itu akan mendapat keberkatan dan ganjaran pahala yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu wa Ta'ala jua. Amin ya rabbal 'alamin.

Pada mengakhiri Sembah Alu-Aluan ini, hamba Kebawah Duli Tuan Patik, dengan rendah diri menyembahkan berbanyak-banyak menjunjung ampun sekiranya terdapat sorok langkah yang kurang manis dan sebarang kekurangan di Majlis ini.

Sekian.

Wabillahit Taufeq Walhidayah
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik Menjunjung
Anugeraha.